

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

MySejahtera tak dijual kepada syarikat swasta

KKM dilantik sebagai pemilik utama, tertakluk akta

*oleh Zariah Abd Mutalib dan Hish Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my*

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak pernah menjual aplikasi MySejahtera kepada syarikat swasta dan memberi jaminan data diperoleh di-selia kementerian itu sejak ia mula digunakan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata aplikasi berkenaan adalah hak milik kerajaan dan KKM dilantik sebagai pemilik utama bagi pengurusan kesihatan awam negara sejak ia diputuskan pada 26 November tahun lalu.

Katanya, kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada KPISOFT (M) Sdn. Bhd (KPISOFT), syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera sepanjang tempoh penggunaan aplikasi itu dari 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

"Perkara ini adalah berdasarkan ketetapan syarikat yang menawarkan penggunaan aplikasi MySejahtera kepada kerajaan untuk tempoh setahun tanpa bayaran berdasarkan prinsip tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat.

"Sejak dilancarkan, penggunaan aplikasi MySejahtera adalah melalui pendekatan 'perisian sebagai platform perkhidmatan'

atau 'software as a service - SaaS'.

"Ia membantu kerajaan mengurangkan masa kitaran diperlukan untuk membangunkan perisian baharu susulan keperluan satu sistem khusus untuk menguruskan pandemik COVID-19.

"Aplikasi MySejahtera adalah platform yang teguh dan dinamik kerana mampu menampung penambahan fungsi aplikasi, selari perkembangan semasa wabak COVID-19," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Semalam, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, meminta kerajaan memberi penjelasan berhubung keputusan menjual MySejahtera kepada syarikat swasta.

Katanya, langkah itu menimbulkan kebimbangan mengenai pengurusan data peribadi dan kemungkinan wujud penyalahgunaan maklumat kesihatan jutaan rakyat Malaysia.

Khairy berkata, data MySejahtera adalah di bawah penyeliaan KKM sejak mula digunakan dan segala pengurusan data melalui proses tadbir urus data ditetapkan.



Khairy Jamaluddin

"Penggunaan dan pengurusan data MySejahtera perlu mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Akta Perubatan 1971 dan pi-

waian antarabangsa.

"Justeru, data aplikasi ini tidak boleh dikongsi oleh KKM dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta.

"Malah, transaksi data daripada MySejahtera dimuat naik ke jaringan pelayan awan setiap hari dan hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySej-



MySejahtera kini mempunyai lebih 10 modul dan 38 juta pengguna berdaftar. (Foto hiasan)

tera," katanya.

Khairy berkata, kerajaan bersetuju meneruskan perkhidmatan MySejahtera selepas tempohnya tamat pada 31 Mac 2021, atas faktor keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan meneruskan kerjasama dengan pihak syarikat dalam melaksanakan peningkatan fungsi aplikasi sehingga apa yang digunakan ketika ini.

"MySejahtera kini mempunyai lebih 10 modul dan 38 juta pengguna berdaftar membabitkan warga negara, bukan warga negara dan pengembara," katanya.

Pada 26 November lalu, katanya, kerajaan menetapkan KKM menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga dengan keahlian merangkumi agensi pemegang taruh berkaitan.

Jelasnya, ia bagi melaksanakan rundingan harga perolehan dan pengurusan perkhidmatan MySejahtera dengan pihak sya-

rikat untuk tempoh dua tahun, selaras tatacara perolehan kerajaan.

"Skop perolehan dan pengurusan aplikasi ini antaranya merangkumi pengoperasian platform MySejahtera, pembangunan sistem termasuk pembangunan modul tambahan, penyelenggaraan, pengurusan pusat data dan perkhidmatan disediakan pihak ketiga meliputi langganan perkhidmatan Google Map and Places Application Programming Interface (API) dan khidmat pesanan ringkas (SMS).

"Melalui surat bertarikh 28 Februari lalu, Kementerian Kewangan meluluskan permohonan KKM melaksanakan perolehan bagi pengurusan aplikasi MySejahtera dan dimuktamadkan di peringkat kementerian itu.

"Proses rundingan sudah dimulakan dan KKM akan memastikan usaha yang wajar dilakukan bagi memelihara kepentingan kerajaan," katanya.

KKM diminta atasi isu keberkesanan kit ujian sendiri

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu mengambil tindakan segera menangani isu keberkesanan kit ujian sendiri COVID-19 yang didakwa menghasilkan keputusan kurang tepat dan tidak selamat.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata, kelewatan tindakan KKM akan mewujudkan situasi tidak selamat, terutama apabila negara dan rakyat dalam per-

sediaan untuk membuka semula sempadan antarabangsa.

Katanya, keputusan negatif yang tidak tepat menggunakan kit ujian itu boleh menyebabkan mereka yang dijangkiti COVID-19 bergerak bebas, seterusnya meningkatkan bilangan kes.

"Saya pernah jadi mangsa keputusan ujian tidak tepat. Dua hari lalu, saya guna kit ujian sendiri dan bacaannya positif. Untuk sahkan, saya jalani ujian

PCR yang menyusahkan dan mahal, hasilnya negatif. Kepada mereka yang ada pengalaman sama, ia mengundang banyak persoalan, situasi panik serta kos yang perlu ditanggung," katanya.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini mempersoalkan ketepatan keputusan kit ujian sendiri COVID-19 yang banyak diluluskan di pasaran dengan menggunakan

sampel air liur dan calitan hidung, seterusnya memberikan hasil tidak tepat.

Lam Thye juga mengingatkan orang ramai untuk terus memainkan peranan dalam mengawal COVID-19 berikutan perkembangan semasa menunjukkan semakin ramai yang alpa dalam aspek berkenaan.

"Semakin ramai bersikap lewa seperti melepaskan batok di tangga. Ada juga tidak memakai

pelitup muka dan hidung dengan sewajarnya, berkumpul di tempat sesak tanpa mematuhi penjarakan fizikal. Rakyat perlu patuh prosedur operasi standard (SOP) dan ini tanggungjawab bersama.

"Ditambah lagi dengan pembukaan semula sempadan negara tidak lama lagi. Keputusan itu adalah untuk kebaikan rakyat serta ekonomi negara," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur: Sebanyak 15,613,982 individu dewasa atau 66.4 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web Covidnow, sejumlah 22,948,364 individu atau 97.5 peratus daripada populasi sama sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala

Johor, Kedah catat kematian tertinggi Covid-19

23,224,510 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sebanyak 2,848,270 individu atau 91.5 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi manakala 2,945,627 atau 94.6 peratus

menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sejumlah 1,305,766 individu atau 36.8 peratus kumpulan itu sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi

Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

Sebanyak 31,595 dos vaksin diberikan kelmarin meliputi 13,054 dos pertama; 890 dos kedua dan 17,651 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebang-

saan (Pick) sebanyak 68,675,263.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 34 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor dan Kedah mencatatkan jumlah kematian tertinggi masing-masing enam kes diikuti Selangor lima kes dan Perak tiga kes.

Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu masing-masing merekodkan dua kes manakala Kelantan dan Melaka masing-masing satu kes.

Kes sembuh atasi jangkitan baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak 25,467 kes sembuh harian Covid-19 dilaporkan kelmarin mengatasi kes baharu 20,923 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata ia menjadikan kumulatif kes sembuh 3,844,766 kes manakala jumlah keseluruhan dijangkiti Covid-19 sehingga kini adalah 4,122,004.

Menurut Dr Noor Hisham, 7,802 kes yang dicatatkan kelmarin atau 37.29 peratus merupakan kategori satu manakala 13,006 kes atau 62.16 peratus adalah kategori dua.

"Kategori tiga, sebanyak 44 kes atau 0.21 peratus, kategori empat (26 kes atau 0.12 peratus) dan kategori lima (45 kes atau 0.22 peratus)," katanya dalam satu kenyataan berhubung situasi semasa Covid-19, semalam.

Mengenai penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes Covid-19, Dr Noor Hisham berkata tiada negeri menunjukkan peraturan pengisian melebihi 50 peratus bagi penggunaan katil di Pusat Kuarentin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC).

Bagaimanapun, beliau berkata lima negeri iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Pulau Pinang dan Selangor menunjukkan peraturan pengisian melebihi 50 peratus bagi penggunaan katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU).

Beliau berkata

pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 198 pesakit dengan peraturan penggunaan alat itu adalah 22 peratus.

"Pada masa sama, terdapat juga kes-kes Covid-19 berisiko tinggi kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

"Kelmarin, 979 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 569 kes atau 58.2 peratus adalah kategori satu dan dua manakala 410 kes atau 41.8 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata tiga kluster baharu dikenal pasti dengan jumlah kluster yang aktif kini adalah 232.

Kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau nilai Rt dicatatkan di seluruh negara adalah 0.93 dengan Selangor merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.08 manakala Sabah

mencatat kadar paling rendah iaitu 0.64.



DR Noor Hisham

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Khairy jawab dakwaan
Ketua Pembangkang
mengenai status aplikasi
tersebut

Oleh MUHAMMAD
ZAKWAN NAZARALI

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan aplikasi MySejahtera telah dijual kepada syarikat swasta lain seperti yang didakwa oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, aplikasi MySejahtera diputuskan sebagai hak milik kerajaan dan KKM dilantik sebagai pemilik utama aplikasi itu untuk pengurusan kesihatan awam negara.

Malah data dalam aplikasi tersebut berada di bawah seliaan KKM dan terjamin dari segi kerahsiaan.

"Penggunaan dan pengurus-

an data MySejahtera perlu mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Akta Perubatan 1971 dan piawaian antara-bangsa.

Data MySejahtera tidak boleh dikongsi KKM dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta.

"Selain itu, transaksi data daripada MySejahtera dimuat naik ke jaringan pelayan awan (*cloud server network*) setiap hari dan hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera.

"KKM berharap orang ramai akan terus menggunakan aplikasi MySejahtera tanpa ragu-ragu,"

maklumannya dalam kenyataan pada Ahad.

Anwar yang merupakan Ahli Parlimen Port Dickson sebelum ini mendakwa kerajaan telah menjual aplikasi tersebut kepada pihak swasta dan beliau meminta penjelasan mengapa penjualan aplikasi itu

tidak dibuat melalui tender terbuka atas dasar ketelusan.

Dalam pada itu, Khairy Jamaluddin menjelaskan, kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat KPISOFT (M) Sdn Bhd (KPISOFT) yang membangunkan aplikasi MySejahtera

sepanjang tempoh penggunaan aplikasi tersebut daripada 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

"Ia berdasarkan ketetapan syarikat yang menawarkan penggunaan MySejahtera kepada kerajaan untuk tempoh setahun tanpa bayaran berdasarkan prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat," ujarnya.

Beliau menegaskan, setelah tamat tempoh CSR tersebut, kerajaan pada 31 Mac 2021 telah bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan oleh syarikat tersebut.

"Kerajaan meneruskan kerjasama dengan syarikat itu dalam melaksanakan peningkatan fungsi MySejahtera sehingga apa yang digunakan pada hari ini.

"MySejahtera kini mempunyai lebih 10 modul dengan sebanyak 38 juta pengguna berdaftar terdiri daripada warganegara, bukan warganegara dan



Kerajaan jamin kerahsiaan individu dalam MySejahtera tidak akan terbocor.

pengembara," katanya.

Beliau berkata, kerajaan membuat keputusan pada 26 November 2021 yang menetapkan supaya KKM menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga dengan keahlian yang terdiri daripada agensi pemegang taruh berkaitan untuk melaksanakan rundingan harga perolehan dan pengurusan perkhidmatan aplikasi MySejahtera dengan pihak syarikat terbabit untuk tempoh dua tahun, selaras dengan tatacara perolehan kerajaan.

"Skop perolehan dan pengurusan aplikasi merangkumi pengoperasian platform,

pembangunan sistem termasuk pembangunan modul tambahan, penyelenggaraan, pengurusan pusat data dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga meliputi langganan ke atas perkhidmatan Google Map and Places Application Programming Interface (API) dan Short Messaging Service (SMS).

"Seterusnya Kementerian Kewangan, melalui surat bertarikh 28 Februari 2022, bersetuju meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan pengurusan aplikasi itu dan dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan.



Jangan berlengah terima dos penggalak - MMA

SHAH ALAM - Warga emas dan individu komorbiditi yang belum menerima suntikan dos penggalak seharusnya tidak berlengah bagi menerimanya.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Koh Kar Chai berkata, ia kerana varian Omicron sangat mudah dijangkiti.

"Ia menjadikan kemungkinan untuk semua orang dijangkiti pada suatu ketika adalah tinggi. Jadi, yang terbaik adalah mendapatkan perlindungan tambahan dengan menerima suntikan dos penggalak.

"Jika anda masih tidak pasti, rujuk dengan doktor keluarga anda," maklumannya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin

Abu Bakar memaklumkan penerima vaksin Sinovac dan warga emas berumur 60 tahun ke atas yang menerima semua jenis vaksin diberikan tempoh sehingga 31 Mac ini untuk mendapatkan suntikan dos penggalak.

Katanya, jika gagal berbuat demikian, status vaksinasi mereka akan bertukar kepada tidak lengkap.

Mengulas lanjut, Kar Chai mengalu-alukan langkah ProtectHealth yang menyediakan perkhidmatan vaksin ke rumah kepada warga emas yang tidak dapat hadir ke pusat pemberian vaksin (PPV) atas pelbagai sebab.

"Bagaimanapun, mungkin sudah terlambat untuk ramai yang menggunakan perkhidmat-



Individu yang mempunyai komorbiditi khususnya warga emas disarankan untuk segera mendapatkan suntikan dos penggalak bagi meningkatkan sistem imun terhadap jangkitan Covid-19.

an ini dalam masa yang singkat.

"Walaupun warga emas tersebut mungkin berada di rumah mereka sendiri atau pusat jagaan, masih ada keperluan bagi mem-

buat pengaturan agar penjaga mereka hadir semasa vaksinasi," ujarnya.

Kar Chai turut memberi peringatan kepada individu yang

masih belum menerima vaksin bahawa ia satu perjudian terhadap diri mereka.

"Setengah mungkin alami simptom ringan apabila dijangkiti varian Omicron, sementara masih terdapat kemungkinan dijangkiti Covid-19 dengan simptom yang teruk.

"Mereka yang terselamat daripada gejala yang teruk akan memberitahu anda bahawa Covid-19 tidak boleh dipandang ringan. Ramai daripada mereka trauma dengan peristiwa itu," katanya.

Beliau berkata, orang ramai seharusnya mengetahui walaupun negara sedang beralih kepada fasa endemik, tetapi memasuki ke hospital dan kematian akibat Covid-19 pada setiap hari masih boleh dilihat.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Sepang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang didapati memalsukan keputusan kit saringan pantas (RTK) antigen dalam aplikasi MySejahtera, kata Menteri-nya Khairy Jamaluddin.

Bercakap kepada media selepas Majlis Pelancaran MyCHAMPION Peringkat Kebangsaan, Khairy berkata perbuatan melaporkan keputusan saringan Covid-19 yang palsu adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, majikan boleh melaporkan kepada KKM sekiranya mendapati pekerjaanya melaporkan keputusan Covid-19 yang palsu.

"Sudah tentu kalau majikan nak semak, mungkin kalau dia (pekerja) nak tipu, nasib dia tak baik majikan suruh buat RTK profesional, dia 'kantoi'. Kita boleh ambil tindakan undang-undang. Jadi jangan sampai kita terpaksa ambil tindakan undang-undang kerana salah lapor dalam MySejahtera yang menjadi kesalahan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan membenarkan masyarakat melaporkan ujian sendiri Covid-19

Jangan cuba nak menipu!

Individu palsukan keputusan RTK antigen dalam MySejahtera boleh diambil tindakan

dalam MySejahtera tanpa memerlukan mereka membuat saringan profesional, sebagai persediaan memasuki fasa peralihan ke endemik.

"Bila kita masuk fasa peralihan (endemik), kita kena banyak bergantung kepada solidariti komuniti dan kebertanggungjawaban individu. Ini takkan semua benda kerajaan nak periksa, kuat kuasa dan denda."

"Jadi saya merayu kepada

rakyat Malaysia bila kita dah bagi tanggungjawab kepada anda untuk buat ujian sendiri mestilah jujur, jangan semata-mata nak ponteng kerja pergi melaporkan keputusan positif yang palsu," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, KKM tidak berkongsi data pengguna MySejahtera dengan mana-mana pihak.

"Buat masa ini, MySejahtera dimiliki oleh KKM termasuk segala data yang ber-

ada dalam aplikasi itu, tiada isu keselamatan data kerana ia dikendalikan oleh KKM dan data itu tidak boleh digunakan untuk matlamat lain selain memantau pandemik Covid-19," katanya.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata, Malaysia berkemungkinan akan melaksanakan kajian sama ada plastik kini berada dalam sistem darah manusia seperti yang dilaporkan oleh saintis dari Belanda.

"Saya terkejut bila baca dapatan tersebut daripada saintis di Belanda. Saya rasa

perkara ini saya akan bangkitkan dengan Institut Penyelidikan Kesihatan Malaysia, mungkin kita juga boleh buat kajian tersebut di sini untuk melihat sama ada plastik sudah masuk dalam sistem darah kita," katanya.

Kelmarin, media melaporkan kajian terbaharu mendedahkan mengenai penemuan pertama dan mengejutkan mikroplastik atau kepingan kecil plastik berdiameter kurang daripada lima milimeter dalam da-

rah manusia.

Dalam kajian tersebut, saintis-saintis di Belanda mengambil sampel darah daripada 22 penderma dewasa yang sihat secara rawak dan analisis mendapati 17 daripada sukarelawan tersebut mempunyai mikroplastik dalam darah mereka.

Mikroplastik pernah ditemukan di dalam otak, usus, plasenta bayi yang belum lahir dan najis orang dewasa dan bayi, tetapi ini pertama kali ia dijumpai dalam darah manusia.



“
Jadi jangan sampai
kita terpaksa
ambil tindakan
undang-undang
kerana salah lapor
dalam MySejahtera
Khairy



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

20,923 kes Covid-19 baharu direkodkan, sebanyak 25,467 pesakit sembuh

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 20,923 kes baharu Covid-19 pada Sabtu menjadikan jumlah kumulatif kes ialah sebanyak 4,122,004.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah berkenaan melibatkan 20,695 kes tempatan dan 228 kes import.

"Bagi pecahan daripada jumlah tersebut, sebanyak

7,802 kes atau 37.29 peratus adalah daripada pesakit Covid-19 kategori satu, sementara 13,006 kes atau 62.16 peratus adalah pesakit kategori dua.

"Bagi kategori tiga, terdapat 44 kes (0.21 peratus), kategori empat dengan 26 kes (0.12 peratus) dan bagi kategori lima adalah sebanyak 45 kes (0.22 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan jumlah keseluruhan 115 kes bagi

pesakit kategori tiga hingga lima, sebanyak 33 kes dilaporkan tidak divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelarian berkenaan.

"Sejumlah 48 kes pula sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi tidak menerima dos penggalak. Sebanyak 34 kes pula



NOOR HISHAM

sudah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 73 kes melibatkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. 63 kes lagi mempunyai komorbid dan satu kes melibatkan ibu mengandung," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, hanya tiga kluster baharu direkodkan pada Sabtu menjadikan jumlah keseluruhan

kluster aktif sebanyak 232.

"Sebanyak 302 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 141 daripadanya disahkan Covid-19 manakala kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan pula adalah sebanyak 161," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan negara merekodkan sebanyak 25,465 kes sembuh menjadikan jumlah kumulatif kepada 3,844,766 kes setakat ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

Penerima vaksin Sinovac terdedah jangkitan Covid-19 lebih serius

Dua juta berisiko

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Kira-kira dua juta penerima vaksin primer Sinovac dikhuatiri terdedah risiko jangkitan Covid-19 lebih teruk jika masih belum tampil mendapatkan perlindungan tambahan, dos penggalak untuk diri mereka.

Berdasarkan data dikeluarkan

kan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Institut Kesihatan Negara (NIH), berlaku penurunan imuniti dalam tempoh tiga hingga lima bulan, selepas mendapat dos kedua vaksin Covid-19.

Bagi penerima Sinovac, imuniti dalam bulan pertama dan kedua iaitu selepas suntikan dos kedua sekitar 76.1 peratus, dan menurun dalam tempoh

lima hingga enam bulan sebanyak 48.2 peratus dengan imuniti serendah 27.9 peratus.

Bagi vaksin Pfizer, dalam tempoh satu hingga dua bulan selepas menerima dos kedua, imuniti dalam badan menurun sebanyak 68 peratus iaitu kepada 20.7 peratus berbanding 88.7 peratus selepas tempoh tiga hingga lima bulan.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*

laysia, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Victor Hoe Chee Wai Abdullah berkata, mengikut kajian, sememangnya terdapat penurunan perlindungan terhadap jangkitan Covid-19 mengikut masa, selepas menerima dos primer terutama vaksin jenis Sinovac.

Dua juta berisiko

Dari muka 1

Lebih-lebih lagi menurut beliau, bagi golongan berisiko tinggi dan warga tua terutama yang ada komorbiditi seperti penyakit diabetes, hipertensi dan sakit jantung kerana risiko jangkitan lebih teruk jika mereka dijangkiti wabak itu.

"Kalau golongan ini terkena jangkitan, tahapnya lebih teruk daripada orang lain kerana tidak ada perlindungan tambahan berbanding mereka yang sudah mengambil dos penggalak, kadar jangkitan kurang serius dan hanya dalam kategori rendah.

"Penerima vaksin primer Sinovac selepas 1 April ini dikira tidak lengkap vaksin, itu pun boleh menyusahkan mereka untuk pergi ke mana-mana atau masuk ke kedai. Hal ini penting untuk diambil kira kerana ia adalah keputusan Kementerian Kesihatan," katanya di sini semalam.

Victor menjelaskan, walaupun kepentingan vaksin adalah untuk perlindungan diri masing-masing, ia mustahak kerana dapat mengurangkan kemasukan ke hospital.

Apatah lagi katanya, beban sistem kesihatan awam kembali bertambah jika lebih ramai kes pesakit Covid-19 dimasukkan ke hospital mengakibatkan usaha untuk merawat pesakit lain seperti kanser dan sebagainya tidak dapat diberikan fokus.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth), Datuk Dr. Anas Alam Faizli berkata, bermula 1 April ini, penerima Sinovac



PAKAR-PAKAR kesihatan meminta dua juta penerima vaksin primer Sinovac segera mendapatkan dos penggalak bagi mengelakkan mereka terkena jangkitan Covid-19 yang teruk.

18 tahun ke atas dan penerima apa sahaja jenis vaksin primer oleh individu berusia 60 tahun ke atas yang belum mendapat dos penggalak akan hilang status vaksinasi lengkap.

Beliau berkata, pihaknya akan menyediakan perkhidmatan vaksinasi terus ke rumah kepada warga emas yang tidak dapat hadir ke pusat pemberian vaksin (PPV) sebagai usaha mempercepatkan vaksinasi dos penggalak, sebelum keistimewaan sijil vaksinasi penuh ditarik semula daripada penerima vaksin yang tidak mendapatkan dos penggalak sehingga 31 Mac ini.

"Mereka yang belum mendapatkan dos penggalak, disarankan segera berbuat demikian. Jumlah kematian semakin meningkat dalam kalangan mereka yang tidak divaksinasi.

"Walaupun gelombang Omicron dilihat tidak agresif sepe-

ti gelombang Delta, bagi warga emas khususnya yang mempunyai komorbiditi ia bukanlah penyakit ringan kerana boleh membawa maut," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Kok Kar Chai dalam kenyataan mengingatkan mereka yang belum divaksin supaya tidak memperjudikan nyawa dengan terus menolak vaksin Covid-19.

Beliau berkata, biarpun negara dalam fasa peralihan kepada endemik, hospital masih menerima kemasukan pesakit dan merekodkan kematian akibat Covid-19 setiap hari.

"Walaupun gejala Covid-19 dengan varian Omicron kebanyakannya ringan, bukan semuanya begitu. Jika sistem imun semula jadi seseorang itu lemah, masih ada kemungkinan mendapat gejala teruk apabila dijangkiti virus ini," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION/NEWS

'JUST BAN THEM ALL'

CAP: TABLE SMOKING LAW WITHOUT DELAY

Penang consumer group raises concern over easy availability of ciggie alternatives

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE Consumers Association of Penang (CAP) wants the government to table a new anti-smoking bill without delay.

"CAP welcomes the minister's announcement that the law will be tabled in Parliament.

"The longer the Health Ministry delays the tabling or enforcement of the anti-smoking law, the more dangerous it is for the health of the future generation," CAP senior education officer N.V. Subbarow said yesterday.

On Saturday, Khairy said the new law to ban smoking and the possession of tobacco products by people born after 2005 would be tabled in Parliament in July.

He also said the draft of the Tobacco and Smoking Control Bill was being finalised by the Attorney-General's Chambers, and would be completed in the next two weeks.

Once completed, it would be presented to the parliamentary health, science and technology



Pahang Health director Datuk Dr Nor Azmi Yunus showing cigarettes confiscated from smokers at a no-smoking area in Kuantan in November last year. FILE PIC

special select committee.

Subbarow said e-cigarettes and vapes had enticed students into nicotine addiction.

The government, he claimed, was "lobbied" by the tobacco and vape industry into accepting that e-cigarettes, vapes, heated tobacco products (HTP) and electronic nicotine delivery systems (ENDS) were safer than cigarettes.

"The industry had enticed the government with a possible annual gain of RM300 million from tax revenue. Subsequently, the government allowed the sale of nicotine e-liquids in 2021, which has opened the floodgates.

"Recreational inhalation devices (RID), inclusive of the entire spectrum of e-cigarettes, vapes, HTP and ENDS, are cleverly marketed," he added.

RID, Subbarow noted, had been touted as an effective device in smoking cessation.

On the contrary, he said, they were actually encouraging another form of addiction.

"It is misleading because there are fewer smokers who actually quit after switching to RID than the number of people taking up the habit.

"ENDS that use e-liquid offer thousands of flavours that poten-

tially appeal to youths, and once the youths are hooked on nicotine, they are likely addicted for life.

"It was announced that Malaysia would introduce a new law to ban smoking and the possession of tobacco products, including electronic vaporisers, by people born after 2005 as a 'Generational End Game' for smoking in the country.

"How effective can this law be if RID is widely available?" he asked.

Subbarow said there were many retail outlets, including convenience stores, that sold such devices since last year.

He said often, the devices were sold to students through friends at a hefty discount because profits would come from the repeated sale of e-liquid refills.

He added that instead of a bulky cigarette pack, RID could be as small as a pack of chewing gum.

"RID can easily be concealed by students who take them to school and spread the unhealthy habit through influence and peer pressure.

"Some disciplinary teachers told CAP that they have been confiscating an increasing number of vape gadgets and e-liquids in students' bags.

"According to WHO (World Health Organisation), there are about 16,000 flavours sold in the market. Many of them are appealing to children.

"RID has also attracted girls, who take up the habit as a way to show independence and rebel against conventionality."

Subbarow said people using such devices were unaware of the dangers, including the presence of heavy metals in e-liquids, and of the toxic effects of chemicals in the e-liquid on their body.

"With conventional cigarettes making an exit, RID is merely to replace them as a continuation of nicotine addiction at an estimated rate of 50 youths daily in Malaysia.

"There are about 1.5 million people using vapes in the country. The government should also ban RID. Just ban them all," he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

Ministry denies MySejahtera sold, says data always under govt control

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has not "sold" the MySejahtera application to any private entity and has given an assurance that all data in the app remained under the ministry's supervision.

Its minister, Khairy Jamaluddin, in a statement, said the government had, on Nov 26 last year, decided that MySejahtera would

be the government's property and appointed the Health Ministry as the main owner of the application for the country's public health management.

"The government also did not make any payment to KPISOFT (M) Sdn Bhd, which developed the MySejahtera application throughout the usage period, between March 27, 2020 and March

31, 2021. This was based on the company's decision to offer the application to the government for one year, without any charges, based on its corporate social responsibility (CSR).

"After the CSR period ended, the government, in March 2021, agreed for MySejahtera's usage to continue.

"The application currently has more than 10 modules and 38 million registered users, comprising citizens, non-citizens and travellers.

"The government had, on Nov 26, 2021, also decided for the Health Ministry to establish a Price Negotiation Committee, comprising members of all stakeholder agencies, to negotiate the procurement and management of the application with the company for two years in line with the government's procurement procedures.

"The Finance Ministry, subsequently, through a letter on Feb 28, 2022, approved the Health Ministry's application to procure



Health Minister Khairy Jamaluddin says the confidentiality of public data is guaranteed. PIC BY ASYRAF HAMZAH

the MySejahtera application.

"The negotiation process has begun and the Health Ministry will ensure due diligence is conducted to preserve the government's interest."

Khairy also stressed that the MySejahtera data has always been under the Health Ministry's

purview ever since the app was rolled out.

"The MySejahtera data cannot be shared by the Health Ministry with any government or private agencies. The confidentiality of public data is guaranteed and the ministry will not compromise in this aspect."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

KJ: App belongs to the govt

'Ministry has never sold MySejahtera to any private entity'

By IYLIA MARSYA ISKANDAR
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: MySejahtera remains the sole property of the Health Ministry, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said the ministry has never sold the application to any private entity to manage public health services.

"The government has never made any payments to KPISOFT (M) Sdn Bhd that developed the application since March 27, 2020, until March 31 last year.

"The company offered the app to the government for a year without payment as part of its corporate social responsibility (CSR)," he said in a statement.

Khairy was responding to the ownership status of the app that was raised by Opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim recently. "Since it was launched, the usage of MySejahtera has been through the software as a service (SaaS) approach to reduce the turnaround time required to develop a new software, following the need for a specialised system to manage the

Covid-19 pandemic," he said.

The minister said the government agreed that the MySejahtera services be continued upon the expiration of the CSR period.

Khairy said the government continued to cooperate with the company to improve the MySejahtera functions until its present usage.

Khairy gave his assurance that data in the MySejahtera app is under the supervision of the ministry and that it would not be shared with any government agencies or private entities.

"In this matter, data in

MySejahtera is subject to procedures set under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act, the Medical Act and international guidelines.

"Data transactions are uploaded to cloud server networks daily and can only be accessed for MySejahtera use only," he added.

Khairy urged the public to continue using the MySejahtera app without hesitation as public data confidentiality is guaranteed and that the ministry would continue to ensure that the aspect is not compromised.

Health DG: 99% of new Covid-19 cases listed as mild

PETALING JAYA: More than 99% of new Covid-19 patients reported on Saturday were those in the mildest categories, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said a total of 20,808 cases or 99.45% of the 20,923 new Covid-19 infections involved Categories 1 and 2.

Only 115 cases, or 0.55%, were in Categories 3 to 5, he added.

"The new cases reported on Saturday bring the cumulative number of cases to 4,122,004.

"There were 7,802 cases in Category 1 while Category 2 had 13,006 cases.

"A total of 44 cases, or 0.21%, were in Category 3, 26 cases (0.12%) in Category 4 and 45 cases (0.22%) in Category 5," he said in a statement yesterday.

He noted that of the 115 cases in the serious categories, 33 involved those who were not vaccinated or had not completed their vaccination; 48 cases involved those who were fully vaccinated but without booster shots; while 34 had also received the booster.

Dr Noor Hisham said 25,467 recoveries were reported on

Saturday, taking the cumulative number to 3,844,766.

He said 302 cases required treatment at the intensive care unit (ICU) and 198 needed respiratory assistance.

According to Dr Noor Hisham, three new clusters were reported on Saturday with 232 clusters still active to date.

He said the infectivity rate (Rt) in

the country was at 0.93 on Saturday, with Selangor recording the highest value at 1.08 and Sabah the lowest at 0.64.

He said five states or territories showed more than 50% usage of ICU beds with the highest in Kuala Lumpur (70%), followed by Putrajaya (67%), Johor (59%), Penang and Selangor (57% each).